

Ashaari boleh

Oleh Mohd Shah Abdullah dan Nurul Adlina Kamaluddin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin al-Arqam, Ashaari Muhammad boleh bertanding dalam pilihan raya di negara ini jika bercita-cita untuk menjadi Perdana Menteri.

Menurut Perdana Menteri, Ashaari boleh berbuat demikian asalkan tidak menyebarkan fahaman Islam yang menyeleweng kerana ia berbahaya kepada rakyat dan negara keseluruhannya.

Katanya, kerajaan tidak membenarkan kumpulan yang menyebarkan fahaman yang menyeleweng bergerak di negara ini.

"Malaysia tidak mempunyai peruntukan yang membolehkan pungutan suara (referendum) diadakan untuk memilih seseorang sebagai Perdana Menteri.

"Tetapi jika seseorang itu bercita-cita menjadi Perdana Menteri, dia boleh bertanding dalam pilihan raya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan Ke-23 Parti Gerakan, di sini, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Ashaari kepada agensi berita asing baru-baru yang meminta diadakan satu pungutan suara bagi menentukan siapa lebih popular di antara mereka berikutan langkah kerajaan menyekat penyelewengan yang berlaku dalam Arqam.

Ashaari berkata, beliau yakin dirinya lebih popular berbanding Dr Mahathir dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana semakin mendapat sambutan menggalakkan segenap lapisan masyarakat

PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN KE-23



Parti
Gerakan Rakyat
Malaysia

kat di negara ini termasuk tokoh kenamaan.

Ditanya apakah al-Arqam boleh mendaftar sebagai sebuah badan siasah, Perdana Menteri berkata, mereka boleh berbuat dengan syarat tidak menyebarkan fahaman yang menyeleweng itu.

Menurutnya, ada juga kumpulan lain yang memperjuangkan Islam tetapi kerajaan tidak pernah mengambil sebarang tindakan termasuk al-Arqam sebelum kumpulan itu didapati menyeleweng dalam perjuangannya seperti berlaku sekarang.

Dr Mahathir berkata, antara bukti penyelewengan itu ialah dakwaan Ashaari berjumpa dan bercakap secara sedar dengan Rasullullah serta mendakwa sebagai Imam Mahdi.

Menurutnya, Ashaari juga menyamakan dirinya sama dengan sifat Allah kerana percaya dengan konsep 'Kun Fa Ya Kun' (Jadi Maka Jadilah).

Beliau berkata, kerajaan perlu menerangkan bahaya ajaran al-Arqam kepada rakyat dan meminta mereka tidak menghampiri kumpulan itu.

"Jika didapati al-Arqam bertindak melanggar undang-undang, kerajaan akan mengambil tindakan," katanya.

Ditanya tindakan pembangkang khususnya DAP untuk menawan Pulau Pinang menerusi projek Tanjung 3 manakala Pas di Terengganu yang mengisytiharkan Tahun Tawan Terengganu, Perdana Menteri berkata, DAP hanya memainkan isu sentimen perkauman dan gagal memberi pandangan membina kepada usaha kerajaan.

Menurutnya, pembangunan Pulau Pinang di bawah Kerajaan Barisan Nasional (BN) negeri itu adalah luar biasa walaupun berhadapan dengan DAP manakala di negeri lain yang tiada pengaruh DAP turut mencapai kemajuan pesat.

"Setiap kali ada pilihan raya, DAP akan melancarkan Tanjung 3, 4, 5...10. Lagi banyak DAP memberi nombor kepada Tanjung itu, dia semakin kalah," katanya.

Mengenai usaha Pas menawan Terengganu pula, Dr Mahathir berkata, hasrat Pas hanya untuk merebut hasil kekayaan negeri itu yang berjumlah RM500 juta dan bukan untuk tujuan agama.

"Pas nampak duit saja dan kerana itu mereka memperalatkan agama untuk mendapat kuasa bagi merampas hasil kerajaan negeri yang begitu besar," katanya.

bertanding: PM